

JUMAAT • 24.06.2016

kota@utusangroup.com.my

Unit Berita Kota

44, Jalan Utusan,  
Melalui Jalan Chan Sow Lin,  
55200, Kuala Lumpur.  
facebook: Utusan Kota  
Twitter: @UtusanKota  
Laman web: www.utusan.com.my



# UTUSAN KOTA

**PENCEMARAN...** Tebing sebatang sungai di Jalan 1A/7, Taman Perindustrian Jaya, Petaling Jaya, Selangor dipenuhi sampah sarap yang dipercayai dilakukan pemilik dan pengusaha kilang berhampiran.  
- UTUSAN/SHAIFUDIN MOHD. NOR



**MUKADIMAH** Mahu menjimatkan kos atau sememangnya pengusaha kilang tidak gentar terhadap undang-undang pihak berkuasa tempatan? Itulah persoalan yang timbul selepas Skuad Terjah sekali lagi membongkar kegiatan pembuangan sampah haram di tebing sebatang sungai berhampiran kawasan Taman Perindustrian Jaya, Petaling Jaya. Kegiatan itu membayangkan sikap degil pengusaha dan tidak serik dikompaun.



**KEGIATAN** pembuangan sampah haram yang semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini seolah-olah mencabar pihak berkuasa tempatan.



**PEMILIK** dan pengusaha kilang berhampiran diingatkan agar lebih bertanggungjawab menguruskan sampah industri.

Pengusaha kilang jadikan PJU 1A/7 lubuk sampah

# Degil, tidak serik dikompaun



**SKUAD TERJAH**

Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN, FAUZI SHUHAIMI dan AMIRUL AIMAN ANUAR**  
kota@utusangroup.com.my

**PETALING JAYA 23 JUN**

**K**EGIATAN pelupusan sampah haram di Selangor masih terus berlaku. Malah kali ini dilihat lebih hebat dan seolah-olah mencabar pihak berkuasa tempatan.

Tinjauan Skuad Terjah di Jalan PJU 1A/7, Taman Perindustrian Jaya baru-baru ini mendapati kawasan itu bagaikan dilanda tsunami sampah apabila pelbagai jenis sampah-sarap memenuhi kira-kira 500 meter sepanjang tebing anak sungai itu.

Kedudukannya yang agak terosok daripada pandangan dan hanya terdapat sedikit belukar menyebabkan pihak tidak bertanggungjawab terus menjalankan kegiatan itu tanpa rasa bersalah.

Sampah dan sisa industri itu bukan sahaja membukit memenuhi sekitar bahu jalan kawasan berdekatan, sebaliknya sehingga melimpah ke dalam sungai.

Dari tinjauan dilakukan di ta-

pak itu, kawasan itu sangat kotor dan berbau busuk.

Yang menghairankan, berdasarkan pemerhatian serta jawaban yang diberikan penduduk berhampiran, pihak yang terlibat seolah-olah tidak gentar dengan papan tanda amaran dan pengawasan sistem kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Dalam menangani isu ini, bukan sahaja MBPJ, sebaliknya pelbagai agensi termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu sama-sama berganding bahu mencari jalan penyelesaian.

Jika keadaan berterusan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia perlu menjalankan siasatan terhadap isu ini.



## MBPJ keluar notis, kompaun

**KUALALUMPUR 23 Jun** - Sebanyak 27 notis amaran dan kompaun dikeluarkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bagi kesalahan membuang sampah di kawasan Jalan PJU 1A/7, Taman Perindustrian Jaya tahun ini.

Penolong Pengarah Kanan Komunikasi Korporat MBPJ, Zainun Zakaria berkata, kawasan tersebut merupakan antara em-

sampah secara haram yang dikenal pasti di sekitar Petaling Jaya.

"MBPJ telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan dua bulan lalu, namun kegiatan itu terus berulang. Mereka seolah-olah tidak serik walaupun ada individu yang telah diberikan notis amaran dan kompaun.



lah bermesyuarat bersama persatuan pengilang di situ bagi dalam usaha mengatasi masalah tersebut. Bagaimanapun, kerja-kerja pembersihan akan dibuat dengan kerjasama mereka dalam masa terdekat," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Menurut Zainun, dalam masa-masa ini, MBPJ

### REAKSI

#### PENGUSAHA KILANG DEGIL



"PEMBUANGAN sampah haram di kawasan itu difahamkan berlaku sejak tahun lepas. Sikap tidak bertanggungjawab itu jelas mencemarkan imej bandar raya Petaling Jaya.

**SUZANNA ZAINAL, 45**  
Usahawan



"BUKAN masa untuk menuding jari kepada sesiapa. Sebaliknya semua pihak termasuk pihak berkuasa tempatan, Jabatan Pengairan

dan Saliran dan agensi lain bekerjasama bagi memastikan kegiatan ini dapat dibanteras.

**K. NAMBIRAJAN, 40**  
Tukang gunting rambut



"TINDAKAN tegas perlu diambil terhadap pihak terlibat. Ini bagi memastikan alam sekitar termasuk sungai tidak terus dicemari.

**SHAHRIZAN MAT SAPEINE, 28**  
Peniaga

### MAKLUM BALAS

ngan telah dikemukakan bagi mengatasi masalah pembuangan sampah di kawasan itu.

"Selain itu, pihak MBPJ sentiasa melaksanakan pemantauan di kawasan lokasi panas tersebut," katanya.

Tambahnya, mana-mana pihak yang didapati membuang sampah di merata-rata tempat akan dikenakan denda RM500.